



Nestlé Good food, Good life

## Siaran Akhbar

Chembong, 8 Mac 2024

### **Nestlé Malaysia Meneruskan Usaha Penjagaan Kelestarian Alam Sekitar Menerusi Loji Janakuasa Biojisim Baharu bagi Kompleks Perindustriannya di Chembong**

*Tapak tersebut menempatkan Kilang MILO terbesar di dunia*

**CHEMBONG, 8 Mac 2024** – Dengan menunjukkan sepenuh komitmen kepada agenda ESG, Nestlé Malaysia telah mengambil satu langkah penting untuk mengurangkan pelepasan karbon dengan memulakan operasi Loji Janakuasa Biojisim untuk memenuhi keperluan Kilang Chembong di Rembau, Negeri Sembilan.

Diasaskan pada 1993 dan diperbesar pada 2019 untuk memenuhi permintaan tempatan dan serantau, Kilang Chembong ialah kilang MILO terbesar Nestlé di dunia. Dalam tempoh tiga dekad lepas, kilang ini telah mencipta peluang pekerjaan dan ekonomi serta menyumbang kepada pelbagai aktiviti kemasyarakatan. Berbekalkan 100% tenaga kerja Malaysia, kilang ini merupakan pengeluar penting bagi jenama-jenama lain seperti KIT KAT, AIS KRIM NESTLÉ dan produk bijiran sarapan KOKO KRUNCH. Kesemua produk bersijil Halal dan dibuat di Malaysia untuk penggunaan tempatan dan global, dengan eksport ke lebih daripada 20 negara di seluruh dunia.

Loji Janakuasa Biojisim ini telah memulakan operasi pada akhir 2023 di Kilang Chembong. Loji ini menggunakan Tandan Buah Sawit Kosong (EFB) dan tempurung isirung sawit sebagai sumber tenaga boleh diperbaharui. Bahan tersebut menggantikan bahan api fosil untuk menjana stim yang digunakan untuk proses pemanasan dalam operasi pengeluaran. Pendekatan ini ialah sebahagian daripada kitaran karbon semula jadi dan tidak menghasilkan emisi karbon jangka panjang, menjadikannya neutral karbon. Usaha inovatif ini seterusnya dapat mengurangkan emisi karbon dioksida (CO<sub>2</sub>) bersih

dengan ketara berbanding bahan api fosil dan juga membantu mengurangkan gas rumah hijau. Kemudahan ini diunjurkan akan mengurangkan emisi gas rumah hijau kilang dengan ketara, iaitu sejumlah 14,000 tan CO<sub>2e</sub> setara setahun, dan secara langsung dapat mengurangkan pencemaran, bahan buangan ke kambusan tanah dan melindungi sumber semula jadi yang berharga.

Nestlé telah berkerjasama dengan rakan teknologi ENCO Systems Sdn Bhd untuk membangun dan memasang loji yang serba lengkap tersebut, yang bernilai RM18 juta.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun, semasa merasmikan loji janakuasa biojisim kilang berkata, "Usaha membawa perubahan bermakna dan pembangunan lestari alam memerlukan komitmen bersama, dengan peranan penting dimainkan oleh sektor awam dan juga swasta. Saya memuji syarikat berpandangan jauh seperti Nestlé yang berusaha gigih mencapai kelestarian alam dalam perniagaan mereka dengan mengambil langkah proaktif untuk mengurangkan jejak karbon. Usaha ini sejajar dengan nilai-nilai yang dikongsi bersama dengan Kerajaan Negeri berkaitan dengan penjagaan alam sekitar dan pertumbuhan ekonomi yang bertanggungjawab."

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Nestlé Malaysia, berkata, "Kami berbangga untuk meraikan perjalanan luar biasa Kilang Chembong yang kini menjangkau 30 tahun dengan satu pelaburan penting ke arah kelestarian alam sekitar. Sebagai sebuah pengilang yang bertanggungjawab, inisiatif ini membolehkan kami mencapai kemajuan besar dalam memenuhi sasaran alam sekitar kami, iaitu dengan mengurangkan jejak karbon, di samping membolehkan kami membawa kesan positif kepada masyarakat Chembong dan menunaikan komitmen kami kepada alam sekitar. Malah usaha ini juga membuktikan dedikasi kami menghasilkan produk berkualiti tinggi buatan Malaysia. Dengan pemasangan Loji Janakuasa Biojisim dan penggunaan bekalan tenaga elektrik boleh diperbaharui, MILO kini mengambil langkah ke arah masa hadapan yang lebih lestari."

“MILO terkenal dengan warna hijau dan kami ingin menjadikan MILO lebih “hijau” lagi demi bumi dan seluruh rakyat Malaysia, dengan penggunaan teknologi lebih bersih, yang terus menyokong langkah kami untuk beralih kepada tenaga boleh diperbaharui yang dilaksanakan pada 2022,” rumus Aranols.

###

### **Mengenai Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

---

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

#### **Shaheen Zaffar**

Nestlé (Malaysia) Berhad  
Tel: (+603) 7965 6456  
Bimbit: +6012-235 6865  
E-mel: [shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com](mailto:shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com)

#### **Sonyia Ambi atau Yasmin Kadir**

acorn communications  
Tel: (+603) 7958 8348  
Bimbit: +6012-628 9733 (Sonyia) atau  
+6017-237 9048 (Yasmin)  
E-mel: [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)